Agensi Kelayakan Malaysia
Malaysian Qualifications Agency
Tel: +603 8688 3779 | Faks: +603 8688 3600

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
(Chief Executive Officer)
AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA
(Malaysian Qualifications Agency)
Mercu MQA
No. 3539, Jalan Teknokrat 7, Cyber 5
63000 Cyberjaya
Selangor Darul Ehsan

NO GIFT POLICY

Ruj. Kami : MQAD.100-1/3/1 Jld. 2 (٥١)

Tarikh : ٤ Ogos 2026

KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT)

Tuan/Puan,

PEKELILING MQA BIL. 3/2026

PENGGUNAAN GARIS PANDUAN PEMBELAJARAN BERASASKAN KERJA (GUIDELINES ON WORK-BASED LEARNING, GWBL)

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti yang tuan/puan sedia maklum, Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, MQA) telah menerbitkan dokumen Garis Panduan Amalan Baik: Pembelajaran Berasaskan Kerja, yang mana pemakaiannya telah dikuatkuasakan melalui Surat Makluman MQA Bil. 3/2016 bertarikh 25 Februari 2016. Sejak penguatkuasaannya, dokumen tersebut telah menjadi rujukan kepada Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) dalam merancang, membangunkan dan melaksanakan program pembelajaran berasaskan kerja.

3. Seiring dengan perkembangan landskap pendidikan tinggi, perubahan dunia pekerjaan dan keperluan industri yang sentiasa berubah, MQA telah melaksanakan kajian semula terhadap dokumen ini bagi memastikan pelaksanaan pembelajaran berasaskan kerja kekal relevan, sistematik, responsif serta selaras dengan amalan semasa. Hasil kajian semula tersebut, penambahbaikan telah dibuat bagi memperkukuh pelaksanaan pembelajaran berasaskan kerja, termasuk pengukuhan kerjasama antara PPT dan industri dalam menyediakan pengalaman pembelajaran dalam persekitaran kerja, serta penerapan elemen **"earn and learn"** yang mengintegrasikan pembelajaran akademik dengan pengalaman kerja sebenar.

4. Selaras dengan penambahbaikan tersebut, tajuk dokumen ini telah dikemas kini daripada Garis Panduan Amalan Baik: Pembelajaran Berasaskan Kerja kepada **Garis Panduan Pembelajaran Berasaskan Kerja (Guidelines on Work-Based Learning, GWBL)** serta disusun semula berpandukan tujuh bidang jaminan kualiti dalam Kod Amalan MQA. Dokumen GWBL ini berfungsi sebagai rujukan utama kepada PPT dalam pembangunan dan pelaksanaan program pembelajaran

berasaskan kerja, di samping menjadi panduan kepada pegawai serta Ahli Panel Penilai (APP) MQA dalam proses penilaian akreditasi program.

5. Sehubungan itu, bagi tujuan penilaian akreditasi program, rubrik penilaian yang akan digunapakai bagi program akademik adalah berdasarkan *Guidelines for Evaluation of Standards for Code of Practice for Programme Accreditation* (COPPA), manakala bagi program TVET pula adalah berdasarkan *Guidelines for Evaluation of Standards for Code of Practice for TVET Programme Accreditation* (COPTPA).

6. Pelaksanaan dan pematuhan terhadap GWBL adalah seperti berikut:

BIL.	TARIKH	PERKARA
1.	17 Ogos 2026 sehingga 17 Ogos 2027	Tempoh transisi bagi semua **program yang telah mendapat Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh** untuk mematuhi garis panduan ini. Nota: i. Kohort pelajar yang diambil **selepas tempoh transisi tamat** perlu mengguna pakai kurikulum baharu. ii. Kohort pelajar yang **sedang berada dalam sistem** boleh mengguna pakai kurikulum sedia ada seperti mana yang dinyatakan dalam surat tawaran pelajar atau perjanjian antara pelajar dan PPT. Walau bagaimanapun, tiada halangan sekiranya PPT ingin mengguna pakai kurikulum baharu jika tidak membebankan atau berdasarkan persetujuan pelajar.
2.	17 Februari 2027	Semua **program baharu yang memohon Akreditasi Sementara** perlu merujuk kepada garis panduan ini.

7. Dokumen GWBL ini boleh dirujuk dan dimuat turun melalui laman web MQA, www.mqa.gov.my.

Sekian, terima kasih.

"PENDIDIKAN TINGGI BERKUALITI GLOBAL"

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

DATO' PROF. DR. MOHAMMAD SHATAR BIN SABRAN (DIMP, DPMP)

s.k.:

1. YBhg. Ketua Setiausaha
   Pejabat Ketua Setiausaha
   Kementerian Pendidikan Tinggi
   Aras 17, No. 2, Menara 2
   Jalan P5/6, Presint 5
   62200 W.P. PUTRAJAYA

2. YBhg. Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi
   Jabatan Pendidikan Tinggi
   Kementerian Pendidikan Tinggi
   Aras 9, No. 2, Menara 2
   Jalan P5/6, Presint 5
   62200 W.P. PUTRAJAYA

3. YBhg. Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
   Kementerian Pendidikan Malaysia
   Aras 8, Blok E8, Kompleks E
   Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
   62604 W.P. PUTRAJAYA

4. YBhg. Ketua Pengarah
   Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti
   Kementerian Pendidikan Tinggi
   Aras 5, Galeria PjH, Jalan P4w
   Persiaran Perdana, Presint 4
   62100 W.P. PUTRAJAYA

5. SUSK YB Menteri Pendidikan Tinggi
   Pejabat Menteri Pendidikan Tinggi
   Kementerian Pendidikan Tinggi
   Aras 18, No. 2, Menara 2
   Jalan P5/6, Presint 5
   62200 W.P. PUTRAJAYA

6. Ketua Eksekutif
   Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
   Tingkat Bawah, Menara PTPTN
   Blok D, Megan Avenue II
   No.12, Jalan Yap Kwan Seng
   50450 W.P. KUALA LUMPUR

7. Ketua Pegawai Eksekutif
Education Malaysia Global Services (EMGS)
Tingkat 20, Menara TA One
22 Jalan P Ramlee
50250 W.P. KUALA LUMPUR

8. Sekretariat
Jawatankuasa Naib Canselor/Rektor Universiti Awam (JKNC/R UA)
Pejabat Naib Canselor
Aras 2, Bangunan Canseleri
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 TANJONG MALIM, PERAK

9. Sekretariat
Jawatankuasa Timbalan-Timbalan Naib Canselor/Rektor (Akademik & Antarabangsa) Universiti Awam (JKTNCRA-UA)
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Bangunan Canseleri
Universiti Malaysia Kelantan
16300 BACHOK, KELANTAN

10. Sekretariat
Majlis Dekan Pengajian Siswazah Universiti Awam
Institut Pengajian Siswazah (IPS)
Universiti Sains Malaysia
11800 MINDEN, PULAU PINANG

11. Sekretariat
Majlis Naib Canselor IPTS (Vice Chancellors Council for Private University, VCCPU)
Pendaftar International Medical University (IMU)
No.126, Jalan Jalil Perkasa 19
Bukit Jalil
57000 KUALA LUMPUR

12. Presiden
Persatuan Kebangsaan Institusi Pengajian Tinggi Swasta Bumiputera Malaysia (PKIBM)
c/o Pejabat Komunikasi Korporat, Kumpulan Pendidikan Uniti
Pt 7445 & Pt 7446, Jalan Bbn1/2h, Putra Point 1
Bandar Baru Nilai 1
71800 NILAI, NEGERI SEMBILAN

13. Presiden
Malaysian Association of Private Colleges and Universities (MAPCU)
c/o Asia Pacific Institute of Information Technology (APIIT)
Jalan Inovasi 1, Techonology Park Malaysia
Bukit Jalil
57000 KUALA LUMPUR

14. Presiden
National Association of Private Educational Institutions (NAPEI)
A-1-3, Block A, 8 Avenue, Jalan Sungai Jernih 8/1
46050 PETALING JAYA, SELANGOR

15. Presiden
Persatuan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta Sabah (PIPTSS)
1st-3rd Floor
85, Jalan Gaya
88000 KOTA KINABALU, SABAH

16. Presiden
Persatuan Institusi-Institusi Pendidikan Tinggi Sarawak (PERINTIS)
Pusat Pembangunan Kemahiran Sarawak/ International College of Advance Technology Sarawak
Jalan Canna, Off Jalan Wan Alwi, Tabuan Jaya
93350 KUCHING, SARAWAK

17. Presiden
Society for Malaysian Higher Education Institutions Quality Assurance Network (MyQAN)
UCSI University
No. 1, Jalan Menara Gading
UCSI Heights (Taman Connaught)
56000 CHERAS, W.P. KUALA LUMPUR